

SIARAN AKHBAR

UCAPAN Y.B DATUK RAYMOND TAN SHU KIAH MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT & HAL EHWAL PENGGUNA SEMPENA PELANCARAN PROGRAM PERINTIS KITAR SEMULA MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN PADA 14 APRIL 2001 – 9:00 PAGI BERTEMPAT DI DEWAN MASYARAKAT SANDAKAN

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana memberi peluang kepada saya hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam acara yang amat penting kepada kebaikan masyarakat serta Majlis ini iaitu pelancaran Kempen Kitar Semula di daerah Sandakan pada pagi ini.

Kita sedia maklum, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memulakan kempen kitar semula secara besar-besaran di seluruh Negara. Kempen Program Perintis Kitar Semula Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan pada 2 Disember 2000. Kempen ini bukanlah kali pertama dianjurkan oleh Kerajaan. Malah pada tahun 1993 kempen ini telah dilaksanakan tetapi malangnya kurang berjaya. Namun, kegagalan tersebut amat berguna kepada kita kerana daripadanya kita telah mengenalpasti beberapa kelemahan yang harus diatasi. Justeru itu, dalam kempen kedua Program Perintis Kitar Semula kali ini, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah kewangan yang besar untuk menyediakan kemudahan seperti tong kitar semula serta bahan-bahan pendidikan termasuk iklan di televisyen. Semua ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan mendapatkan penglibatan lebih ramai golongan masyarakat, baik masyarakat pengguna mahupun masyarakat peniaga.

Apabila Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan program perintis kitar semula, tujuan kita ialah mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menganggarkan bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan membelanjakan antara 40% hingga 70% perbelanjaan tahunannya untuk mengutip dan melupuskan sampah. Pertambahan jumlah penduduk dari setahun ke setahun di seluruh negara akan meningkatkan lagi isipadu sampah-sarap yang dihasilkan dan seterusnya menambah perbelanjaan serta menyulitkan lagi Pihak Berkuasa Tempatan mendapatkan tapak pelupusan yang sesuai pada masa akan datang. Pembuangan sampah-sarap yang tidak terkawal juga boleh mengancam kesihatan penduduk dan kualiti serta estetika alam sekitar.

Menyentuh tentang kawasan kita sendiri, saya difahamkan bahawa Majlis Perbandaran Sandakan mengutip lebih kurang 170 tan sampah-sarap setiap hari. Ini tidak termasuk besi-besi buruk atau sampah-sarap yang dibuang sendiri oleh individu atau syarikat-syarikat yang beroperasi di sini. Semua sampah-sarap ini dibuang ke tapak pembuangan sampah atau dilonggokkan di tempat-tempat pembuangan haram sehingga menjejaskan keindahan dan estetika perbandaran. Akibatnya, Majlis Perbandaran Sandakan membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit setiap tahun untuk mengendalikan pengurusan sampah-sarap tersebut.

Program perintis kitar semula yang sedang dilaksanakan di seluruh negara ketika ini tidak harus dilihat hanya sebagai kempen semata-mata. Kita harus diingat bahawa usaha Kerajaan semata-mata tidak menjanjikan kejayaan 100% jika kita sebagai warganegara, kita sebagai pengguna dan kita sebagai penduduk tidak memainkan

peranan aktif dan menyokong setiap program yang diaturkan oleh Kerajaan. Justeru itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan dan pelajar-pelajar yang hadir pada pagi ini untuk menyampaikan mesej Kerajaan tentang kitar semula ini dan ambil bahagian secara aktif kerana ia amalan yang berfaedah.

Kita juga mungkin tertanya-tanya apakah faedah-faedah kitar semula kepada diri kita sendiri. Selain pengurangan kos pengendalian sampah sarap, pengurangan pencemaran alam sekitar dan sebagainya yang saya sebut sebentar tadi yang membawa kebaikan kepada diri kita sendiri, kitar semula ini juga boleh mengurangkan perbelanjaan dan membawa keuntungan kepada kita sendiri. Dalam keadaan kos sara hidup yang kian meningkat hari ini, industri kitar semula dapat memberi kesedaran kepenggunaan seterusnya menurunkan kos sara hidup bagi pengguna yang bijak berbelanja. Isi rumah sebagai pengguna boleh mengurangkan kekerapan membeli dengan berbelanja sekali dalam sebulan. Ini akan mengurangkan bungkusan barang-barang yang dibeli sama ada yang berupa kertas atau plastik. Dengan itu, isi rumah telah mengamalkan satu daripada tiga konsep kitar semula iaitu mengurangkan isipadu sampah-sarap. Isi rumah juga boleh menggunakan semula bahan-bahan pembungkus seperti beg plastik, atau bekas dan kaleng yang bersesuaian untuk menyimpan barang-barang misalnya menggunakan semula botol nescafe untuk mengisi cili giling untuk kegunaan di rumah dan sebagainya.

Seperti yang kita dapat perhatikan terdapat sudah beberapa syarikat yang berkecimpung dalam industri kitar semula malah terdapat juga yang mengeksport bahan-bahan kitar semula ke negara lain. Penubuhan syarikat-syarikat ini juga memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapat sedikit wang. Dalam hubungan ini, isi rumah boleh mengumpul bahan-bahan buangan seperti semua jenis kertas, semua bekas daripada aluminium, plastik atau botol kaca untuk dijual kepada syarikat-syarikat kitar semula.

Sehubungan dengan perkara ini, saya sedang merancang satu program khas untuk Daerah Sandakan iaitu mengitar semula beg-beg plastik. Orang ramai adalah diminta mengumpul beg-beg plastik ini dan diserahkan kepada pejabat Pimimpin Kemajuan Rakyat, sebagai tempat pengumpulan, untuk diangkut oleh syarikat kitar semula yang berkenaan. Orang ramai yang membawa beg-beg plastik akan dibayar mengikut kadar yang akan ditetapkan kelak. Jika program ini berjaya, ia boleh dijadikan satu model untuk dilaksanakan di kawasan yang lain.

Peranan kita yang hadir pada pagi ini, khususnya guru-guru dan para pelajar amat penting dalam mengubah nilai dan cara berfikir masyarakat umum di daerah Sandakan ini. Dalam melaksanakan program perintis kitar semula ini, kita akan menggunakan pendekatan mendidik masyarakat dan tidak akan menggunakan pendekatan undang-undang. Justeru itu, guru-guru dan para pelajar adalah agen perubahan yang dapat kita harapkan selain perancangan teratur oleh Majlis Perbandaran Sandakan dan syarikat-syarikat kitar semula yang telah dilantik. Saya berharap bahawa kita boleh mencapai sasaran Kerajaan agar pelaksanaan program perintis kitar semula ini dapat mengurangkan 30% daripada isipadu sampah-sarap yang dibuang ke tapak pembuangan sampah, serta menurunkan perbelanjaan pengurusan sampah-sarap daripada 70% kepada 40%. Dengan kerjasama semua pihak, saya percaya sasaran ini boleh dicapai.

Dengan harapan yang sedemikian, saya dengan segala sukacitanya melancarkan kempen Program Perintis Kitar Semula Peringkat Malis Perbandaran Sandakan dengan rasminya.

Sekian dan terima kasih.